

Penduduk Orang Asli terputus hubungan seminggu

GUA MUSANG 26 Jan. - Seramai 77 keluarga Orang Asli suku kaum Batek di Kampung Pasir Linggi, Pos Lebir di sini yang terkandas akibat banjir sejak seminggu lalu hampir kehabisan bekalan makanan.

Sehubungan itu, penduduk terbabit amat memerlukan sumbangan bekalan makanan dan perubatan daripada pelbagai pihak memandangkan mereka kini terputus hubungan untuk ke bandar.

Penghulu Kampung Pasir Linggi, **Ramli Bibas** berkata, jalan dan jambatan yang menghubungkan kampung mereka untuk ke bandar telah dilimpahi air Sungai

Lebir berikutan hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Katanya, kebanyakan penduduk telah menyelamatkan diri dan berlindung di bangsal yang dibina di atas bukit berhampiran sejak minggu lalu.

"Kami bernasib baik apabila telah membina bangsal dan penempatan di atas bukit sejak akhir tahun lalu sebagai langkah berjaga-jaga. Bekalan makanan yang diberikan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JakoA) sebelum ini juga semakin habis," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Seorang penduduk, **Jamlus**

Musa, 29, berkata, penduduk Orang Asli yang terkandas tidak dapat keluar ke bandar bagi mendapatkan bekalan makanan.

Katanya, pihak JakoA juga tidak dapat menyalurkan bantuan kepada mereka kerana jalan menuju ke Kampung Pasir Linggi ditenggelami banjir.

"Penduduk Orang Asli kini semakin kehabisan makanan dan hanya makan buah hutan dan ubi kayu sebagai bekalan makanan mereka. Kami berharap pelbagai pihak dapat membantu kami menghantar bekalan makanan secepat mungkin," katanya.